

Banjir kilat jejas enam kampung

KUBANG PASU - Sebanyak enam kampung di sekitar Changloon di sini, terjejas akibat banjir semalam.

Antara kawasan terlibat ialah Kampung Masjid, Paya Nongmi, Kampung Paya Lantau, Kampung Padang Pasir, Kampung Titi Kerbau dan Kampung Sungai Petani.

Difahamkan, hujan lebat dan aliran air pasang sungai dari arah Chuping, Perlis ke kawasan itu antara faktor menyebabkan banjir.

Pegawai Operasi Bomba Bukit Kayu Hitam, Lee Ah Hing berkata, keadaan banjir di situ adalah terkawal.

"Kita menerima maklumat bahawa berlaku banjir kilat di beberapa kawasan sekitar Changloon seawal jam 4 pagi tetapi tiada penduduk dipindahkan kerana paras air kurang 0.5 meter," katanya.

Menurutnya, keadaan banjir kembali surut pada sebelah petang selepas hujan berhenti.

"Kita sentiasa memantau keadaan banjir dari semasa ke semasa, terutama di sekitar kawasan Changloon.

"Tinjauan bomba di Kampung Titi Kerbau pula mendapati keadaannya tidak teruk dan terkawal," katanya.



Anggota bomba memindahkan seorang warga emas ke tempat lebih selamat untuk sementara waktu semalam.

- FOTO: IHSAN JABATAN BOMBA DAN PENYERAMAT